

KENYATAAN MEDIA

ANUGERAH PERDANA KOMUNITI MAMPAN PETALING JAYA 2010/2011

Anugerah Perdana Komuniti Mampan 2010/2011 merupakan satu lagi inisiatif Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam memberikan penghargaan kepada pembangunan komuniti Petaling Jaya yang cemerlang dalam mewujudkan kejiranan yang mampan, sejahtera, selamat dan hijau selaras dengan prinsip Local Agenda 21 Petaling Jaya.

Untuk penganugerahan ini, pemerhatian secara komprehensif telah dibuat dengan teliti dari segi keselamatan, pemeliharaan alam sekitar, kebersihan dan integrasi sosial yang menjadi keutamaan komuniti kejiranan di Petaling Jaya. Sikap proaktif masyarakat Petaling Jaya juga ketara dengan kesediaan mereka meningkatkan kemampunan komuniti di kawasan masing-masing dengan mengadakan skim rondaan sukarela atau melantik pasukan keselamatan kejiranan untuk mencegah kegiatan jenayah.

Dalam pada itu, impak yang ketara kepada Petaling Jaya terhadap anugerah ini telah menampakkan kesan positif ke arah inisiatif program kitar semula oleh komuniti, penglibatan skim anak angkat kawasan hijau dan kemudahan awam, program pemeliharaan sungai, penglibatan aktif dalam “town hall meeting” sambutan hari perayaan besar di Petaling Jaya yang dikendalikan oleh komuniti utama di kawasan Petaling Jaya.

Peruntukan bajet MBPJ 2012 sebanyak RM281 juta yang bertemakan bajet rakyat PJ prihatin (PJ CARES) adalah satu usaha untuk meningkatkan tahap kebersihan di Petaling Jaya dan memelihara alam sekitar supaya tidak tercemar dan kotor, kontraktor-kontraktor yang dilantik dan dipantau secara langsung dan berterusan oleh MBPJ.

Pada tahun ini, MBPJ juga akan meningkatkan penyertaan awam untuk memantau kebersihan kawasan melalui program perluasan zon bersih, memperbanyakkan tong-tong sampah awam, aktiviti kitar semula dan meningkatkan penguatkuasaan anti kutu sampah. sebanyak RM57 juta telah diperuntukkan pada tahun 2012 dan tambahan sebanyak RM500 ribu untuk peruntukan tong sampah awam.

Kontraktor yang terlibat pada MAC 2012 iaitu kontraktor pembersihan daripada 66 kontraktor menjadi 98 kontraktor, kontraktor bagi kutipan sampah daripada 23 kontraktor menjadi 32 kontraktor dan kontraktor garden waste daripada 10 kontraktor ditambah kepada 20 kontraktor.

Di sediakan oleh:

Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884,
ahmadiskandar@mbpj.gov.my